



IKLAN JAWATAN KOSONG MAJLIS DAERAH TUMPAT

Permohonan adalah dipelawa kepada Warganegara Malaysia (keutamaan akan diberikan kepada rakyat Negeri Kelantan dan penduduk Jajahan Tumpat) untuk mengisi kekosongan jawatan sebagaimana berikut:-

Bil.	Jawatan	Gred
1.	Penolong Pegawai Teknologi Maklumat	FA5
2.	Pembantu Penguat Kuasa	KP1
3.	Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi)	N1
4.	Pembantu Khidmat Am	H1

PERMOHONAN

1. Maklumat lanjut mengenai jawatan boleh didapati di laman web rasmi Majlis Daerah Tumpat:- <http://www.mdtumpat.gov.my/>
2. Permohonan hendaklah dibuat melalui **Borang MDT.1** – Permohonan Jawatan Kosong (asal) yang boleh dibeli di Bahagian Pentadbiran dan Sumber Manusia, Majlis Daerah Tumpat dengan bayaran RM3.00 setiap borang.
3. **Tarikh Tutup Permohonan : 13 FEBRUARI 2025**
4. Permohonan yang lengkap hendaklah dialamatkan kepada:-

**YANG DIPERTUA
MAJLIS DAERAH TUMPAT
JALAN TANJUNG KUALA,
16200 TUMPAT,
KELANTAN DARUL NAIM.**

No. Fail Rujukan Iklan : MDT.D582(01)337/1/Klt.VI



MAJLIS DAERAH TUMPAT, KELANTAN

IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa kepada Warganegara Malaysia (keutamaan akan diberikan kepada rakyat Negeri Kelantan dan penduduk Jajahan Tumpat) untuk mengisi kekosongan jawatan sebagaimana berikut:-

- 1) JAWATAN : PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT**
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : SISTEM MAKLUMAT
KUMPULAN PERKHIDMATAN : PELAKSANA
GRED JAWATAN : FA5
JADUAL GAJI :

GAJI POKOK	ITKA	ITP	BSH
RM1,650.00	RM160.00	RM300.00	RM200.00

SYARAT LANTIKAN

- Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - Warganegara Malaysia,
 - Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - Diploma dalam bidang sains komputer atau teknologi maklumat yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
 - atau
 - Diploma dalam bidang kejuruteraan komputer yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

- Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

DESKRIPSI TUGAS

- Bertanggungjawab dalam melaksanakan kerja-kerja pembangunan program, menguji program, menyediakan dokumentasi program, membantu dalam penyediaan spesifikasi program serta membantu dalam pengujian perisian pembangunan sistem aplikasi.
- Bertanggungjawab dalam membantu menganalisis keperluan program, menyelenggara sistem serta berkeupayaan di dalam menyelesaikan masalah (*troubleshooting dan problem solving*) yang berkaitan dengan program dan sistem aplikasi.
- Bertanggungjawab dalam menyelenggara aturcara baharu dan sedia ada untuk sistem aplikasi.
- Bertanggungjawab dalam memberikan latihan serta bantuan teknikal kepada pihak pengguna.

- 2) **JAWATAN** : **PEMBANTU PENGUAT KUASA**
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : **KESELAMATAN DAN PERTAHANAN AWAM**
KUMPULAN PERKHIDMATAN : **PELAKSANA**
GRED JAWATAN : **KP1**
JADUAL GAJI :

GAJI POKOK	ITKA	ITP	BSH
RM1,500.00	RM115.00	RM300.00	RM200.00

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) Warganegara Malaysia
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau
- (ii) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan; atau
- (iii) Bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Konstabel atau Prebet atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu dengan memuaskan; atau
- (iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
- (v) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

- DAN** (d) Mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut:

- (i) Tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
- (ii) Berat badan sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
- (iii) Mempunyai ukuran Indeks Jisim Badan (BMI) di antara julat 19 hingga 26;

- (iv) Mempunyai sekurang-kurangnya 79sm ukuran dada yang biasa dan 84sm semasa menarik nafas (lelaki sahaja);
- (v) Lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V6/9 tanpa menggunakan cermin mata;
- (vi) Pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
- (vii) Diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan yang berdaftar.

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

2. Calon bagi lantikan 1.(c)(i), 1.(c)(ii), 1.(c)(iv) dan 1.(c)(v) hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

DESKRIPSI TUGAS

- Bertanggungjawab melaksanakan penguatkuasaan undang-undang (akta dan undang-undang kecil) yang diguna pakai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT);
- Bertanggungjawab membuat operasi penguatkuasaan, menyediakan statistik penguatkuasaan, rekod operasi dan laporan penguatkuasaan;
- Bertanggungjawab terlibat dalam pendakwaan, saksi-saksi pendakwaan dan lain-lain tugas yang diarahkan oleh Ketua Jabatan dari semasa ke semasa.

- 3) JAWATAN : PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/ OPERASI)**
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : PENTADBIRAN DAN SOKONGAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN : PELAKSANA
GRED JAWATAN : N1
JADUAL GAJI :

GAJI POKOK	ITKA	ITP	BSH
RM1,500.00	RM115.00	RM300.00	RM200.00

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) Warganegara Malaysia
 - (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - (c)
 - (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; atau
 - (ii) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan; atau
 - (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
 - (iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

DESKRIPSI TUGAS:

Bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas perkeranian dan operasi di peringkat Kumpulan Pelaksana yang merangkumi aspek perkeranian dan operasi (termasuk, tetapi tidak terhad kepada, tugas-tugas pentadbiran am, pengurusan personel, perkhidmatan kaunter dan pemprosesan, pengumpulan data dan maklumat, pengendalian peralatan perhubungan/komunikasi).

- 4) **JAWATAN** : **PEMBANTU KHIDMAT AM**
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : **KEMAHIRAN**
KUMPULAN PERKHIDMATAN : **PELAKSANA**
GRED JAWATAN : **H1**
JADUAL GAJI :

GAJI POKOK	ITKA	ITP	BSH
RM1,500.00	RM115.00	RM300.00	RM200.00

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) Warganegara Malaysia
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; atau
- (ii) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan; atau
- (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
- (iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
- dan (v) Memenuhi syarat lantikan bagi keperluan khas; Memiliki Lesen Memandu Kelas D dan E/ H yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [Kecuali Lesen Memandu Dalam Tempoh Percubaan (P)] serta berkebolehan memandu, mengendalikan dan menyenggara kenderaan berkenaan yang diliputi oleh tugasan berkenaan.

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

DESKRIPSI TUGAS:

- Melaksanakan tugas **rencam bersifat *hands-on* yang memerlukan kekuatan fizikal bagi kerja-kerja pungutan sampah** dan kebersihan dalam kawasan operasi Majlis mengikut jadual ditetapkan dengan cekap dan berkesan.

- Bertanggungjawab melaksanakan **tugasan memandu kenderaan lori sampah/ lori tipper** / jentera berat bagi menjalankan **kerja-kerja kebersihan** dalam kawasan operasi Majlis mengikut jadual ditetapkan dengan cekap dan berkesan.
- Bertanggungjawab **mengendali, menyelenggara dan menjaga kenderaan lori** atau jentera dalam keadaan baik, selamat untuk digunakan dan dalam keadaan bersih selepas kerja-kerja kebersihan.
- Antara kenderaan yang meliputi perkhidmatan kebersihan adalah Lori Kompaktor, Lori *Tipper*, Lori *RORO*, traktor tanah dan *Backhoe Loader*.
- Melaksanakan tugas yang memerlukan **sokongan fizikal bagi peralatan dan jentera** lori sampah dan tugas rencam lain yang memerlukan keupayaan dan kekuatan fizikal.

CARA MEMOHON:

- i. Permohonan hendaklah dibuat melalui Borang MDT.1 – Permohonan Jawatan Kosong (asal) yang boleh didapati di Bahagian Pentadbiran dan Sumber Manusia, Majlis Daerah Tumpat, Kelantan dengan bayaran RM3.00 setiap borang.
- ii. Setiap permohonan **hendaklah disertakan** dengan lampiran berikut:-
 - a. Gambar terkini pemohon berukuran paspot.
 - b. Salinan kad pengenalan/ MyKad dan sijil kelahiran pemohon yang telah disahkan.
 - c. Salinan sijil berhenti sekolah, sijil persekolahan (SPM/SPVM) / Sijil / Diploma/ Ijazah dan transkrip akademik / lain-lain sijil / dokumen yang telah disahkan.
 - d. Salinan lesen memandu dan Lesen Vokasional (*jika ada*) bagi jawatan 4. sahaja.

Peringatan:

SEMUA SALINAN DOKUMEN DI ATAS HENDAKLAH DISAHKAN OLEH PEGAWAI KERAJAAN DARI KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL

- iii. **Tarikh Tutup Permohonan : 13 FEBRUARI 2025**
- iv. Permohonan yang lengkap hendaklah dialamatkan kepada:-

**YANG DIPERTUA
MAJLIS DAERAH TUMPAT
JALAN TANJUNG KUALA,
16200 TUMPAT,
KELANTAN DARUL NAIM.**

No. Fail Rujukan Iklan : MDT.D582(01)337/1/Klt.VI

PERHATIAN:

- (i) Permohonan yang dihantar tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat akan ditolak.
- (ii) Permohonan yang diterima selepas tarikh tutup iklan tidak akan diproses.
- (iii) Hanya calon-calon yang layak selepas ditapis akan dipanggil untuk temuduga.
- (iv) Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tempoh enam (6) bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
- (v) Segala perbelanjaan kerana menghadiri temuduga adalah ditanggung oleh calon sendiri.